

25 MAY 1996

Hamid-Syiah

BAHAGIAN HAL ELWAL ISLAM KERJASAMA PENDIDIKAN ATASI SYIAH

KUALA LUMPUR, 25 Mei (Bernama) -- Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri (JPM) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan akan menyiasat dan bertindak bagi mengatasi kegiatan penyebaran Syiah terutama di institusi pengajian tinggi (IPT) di negara ini, kata Menteri di JPM Datuk Dr Abdul Hamid Othman.

Tumpuan khusus ialah kepada pensyarah dan penuntut dengan mengadakan pertemuan dan perbincangan dengan mereka, katanya kepada pemberita selepas merasmikan majlis sambutan Maal Hijrah 1417 peringkat Wilayah Persekutuan, di Dewan Muktamar, Pusat Islam di sini hari ini.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi amaran kepada kakitangan IPT supaya menghentikan kegiatan menyebarkan fahaman Syiah di kalangan umat Islam di negara ini khususnya penuntut.

Abdul Hamid berkata penyebaran fahaman Syiah bercanggah dengan peraturan di negara ini kerana undang-undang tubuh kerajaan negeri menyebut bahawa Islam itu ialah Ahli Sunnah Wal Jemaah.

Beliau berkata kini tindakan susulan untuk mencegah kegiatan penyebaran fahaman Syiah sedang dijalankan.

Katanya, kerajaan tidak bercadang untuk memansuhkan pengajaran fahaman Syiah di univerti-universiti untuk perbandingan seperti juga fahaman komunis dan sosialis.

Beliau berkata semua fahaman ini bukannya bertujuan untuk diamalkan, tetapi sebagai kegiatan untuk akademik sahaja.

Sebelum itu dalam ucapannya, Dr Abdul Hamid berkata sempena tahun baru ini umat Islam perlu mengubah cara hidup menjadi rakyat yang serba boleh dalam segala bidang.

Katanya ramai di kalangan umat Islam tidak berdikari dan tidak berupaya melakukan kerja-kerja dalam kehidupan seharian disebabkan oleh pengaruh yang ditanam oleh penjajah sejak sekian lama.

Beliau berkata sebagai contoh, "banyak benda yang tidak perlu diupah atau dibeli terpkasa dibeli kerana mereka kekurangan kemahiran dan ini termasuk kemahiran membaiki basikal, radio dan gunting rambut anak-anak."

Umat Islam adalah umat yang mempunyai budaya membuat kerja-kerja untuk keperluan hidup kerana Islam itu sendiri adalah cara hidup, katanya.

-- Bernama

HT AHH